

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN SKUASY SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) KE-8, 2019

1 PERATURAN AM

- 1.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut **PERATURAN PERSATUAN SKUASY KEBANGSAAN (SRAM), PERSEKUTUAN SKUASY SEDUNIA (WSF)** dan Peraturan AM SIPMA.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Tetap dan Peraturan Am SIPMA.
 - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang **PERSATUAN SKUASY KEBANGSAAN (SRAM)**
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah muktamad

2 PENYERTAAN

- 2.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.
- 2.2 Pertandingan berpasukan (Lelaki & Perempuan).
- 2.3 Bilangan peserta (Lelaki/Wanita), bagi setiap pasukan adalah seperti berikut :
 - 2.3.1 Berpasukan Lelaki - 5 orang
 - 2.3.2 Berpasukan Wanita - 5 orang
- 2.4 Setiap pasukan hendaklah mengandungi **tidak lebih** daripada **lima (5)** pemain termasuk pemain simpanan.
- 2.5 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan berikut:
 - 2.5.1 Majlis Sukan Sekolah Malaysia
 - 2.5.2 Majlis Sukan Institut Pendidikan Guru Malaysia
 - 2.5.3 Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia
 - 2.5.4 Majlis Sukan Universiti Malaysia

- 2.5.5 Majlis Sukan Politeknik Malaysia
 - 2.5.6 Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia
 - 2.5.7 Majlis Sukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)
 - 2.5.8 Majlis Sukan Kolej Vokasional Malaysia (MASKoV)
- 2.6 Pegawai dan pemain WAJIB membawa '**Kad Akreditasi**' sebagai pengesahan bagi setiap perlawanan sepanjang SIPMA berlangsung.

3 KELAYAKAN

- 3.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.

4 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 4.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 4.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 yang asal untuk disahkan dan No. Kad Matrik (untuk yang berkennaan).
- 4.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.
- 4.4 Selepas taklimat pengurus pasukan, sebarang permohonan pertukaran/gantian peserta tidak dibenarkan.

5 JADUAL PERTANDINGAN

- 5.1 Jadual pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

6 SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Sistem
 - 6.1.1 Sistem pertandingan dijalankan secara liga satu pusingan. Pasukan yang mendapat mata tertinggi akan diisyiharkan sebagai Johan diikuti dengan Naib Johan dan Ketiga.
 - 6.1.2 Acara Berpasukan Lelaki dan Wanita.
 - 6.1.3 Senarai peserta bagi tiap-tiap **perlawanan berpasukan** hendaklah diserahkan kepada Pengarah Pertandingan dalam

masa tiga puluh (30) minit sebelum waktu permulaan mengikut susunan berikut (Sekiranya berlaku pertukaran pemain):-

- 6.1.3.1 Perseorangan Pertama
- 6.1.3.2 Perseorangan Kedua
- 6.1.3.3 Perseorangan Ketiga
- 6.1.4 Pertandingan dijalankan secara “*BEST OF FIVE*”(Peserta yang memenangi tiga set terbaik dikira sebagai pemenang).
- 6.1.5 Senarai nama yang telah diserahkan itu tidak boleh dipinda walaupun berlaku keuzuran selepas perlawanan bermula.
- 6.1.6 Semua pertandingan dijalankan secara Liga satu pusingan, mata kemenangan akan di beri seperti berikut :-
 - 6.1.6.1 Menang - 2 mata
 - 6.1.6.2 Kalah - 0 mata
- 6.1.7 Sekiranya pada akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan memperolehi kiraan mata yang sama lebih dari satu, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :-
 - 6.1.7.1 Jika dua (2) pasukan yang terlibat, maka pasukan yang mengalahkan lawannya di peringkat awal dikira sebagai pemenang.
 - 6.1.7.2 Jika lebih daripada dua pasukan yang terlibat, maka pemenang akan di tentukan dengan kiraan perbezaan (*difference*) dari jumlah perlawanan (*matches*): set dan angka-angka mata yang diperolehi pasukan-pasukan berkenaan.

6.2 PERALATAN

- 6.2.1 Bola yang digunakan sepanjang pertandingan adalah jenis ***Dunlop Double Dot Yellow XX***.
- 6.2.2 Setiap pemain digalakkan memakai pelindung mata “***EYE-MASK*** atau ***EYE WEAR*** manakala pemain yang berumur 19 tahun dan ke bawah diwajibkan memakai peralatan tersebut semasa berada di dalam gelanggang ketika bermain.

6.3 PENANGGUHAN PERLAWANAN

- 6.3.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/jadualkan tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 6.3.2 Jawtankuasa Teknikal Pertandingan mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah jadual dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan serta merta.

6.4 MENARIK DIRI

- 6.4.1 Pasukan atau peserta yang terlewat lima belas (15) minit selepas masa yang dijadualkan dengan tidak memberi alasan yang munasabah, dianggap menarik diri dan memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.
- 6.4.2 Menarik diri (*walk-over*) adalah tidak di benarkan. Jika ianya berlaku maka pasukan atau peserta berkenaan akan di kira sebagai menarik diri dari keseluruhan pertandingan. Semua keputusan perlawanan yang dimainkan oleh pasukan itu akan dibatalkan dan pasukan itu tidak akan dibenarkan memasuki sebarang pertandingan seterusnya.

6.5 PENGADIL (HAKIM, PEGAWAI) PERTANDINGAN

- 6.5.1 Pengadil yang bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 6.5.2 Pengarah Pertandingan dan Delegasi Teknikal akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dengan persetujuan Bahagian Teknikal Skuasy SIPMA.
- 6.5.3 Jawatankuasa Kecil Teknikal akan melantik Pengadil/Hakim
- 6.5.4 Tambahan yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang pertandingan, jika perlu.

7 JURI RAYUAN TERTINGGI

Rujuk Perkara 15 Peraturan Am SIPMA.

8 RAYUAN / BANTAHAN

Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SIPMA.

9 JAWATANKUASA DISIPLIN

Rujuk Perkara 17 Peraturan Am SIPMA.

10 HADIAH-HADIAH

Rujuk Perkara 18 Peraturan Am SIPMA.

11 KEWANGAN

Rujuk Perkara 19 Peraturan Am SIPMA.

12 PERKARA AM

Rujuk Perkara 20 Peraturan Am SIPMA.

13 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 13.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan dan keputusan adalah muktamad.

15 Apr. 2019.